

**DAP terus salahkan Tunku Abdul Aziz
Utusan Online
19 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 18 Mei - DAP terus menyalahkan Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim dengan mendakwa bekas Naib Pengerusi parti itu sendiri tidak berminat untuk menyambung tempoh Senator Dewan Negara yang disandang beliau.

Menurut Setiausaha Agungnya, Lim Guan Eng, keputusan yang dibuat oleh Tunku Abdul Aziz itu bukan kehendak kerajaan negeri Pulau Pinang.

Bagaimanapun beliau menjelaskan, apa yang dinyatakan itu hanya mengulangi kenyataan setiausaha politiknya, Zairil Khir Johari.

"Tunku Abdul Aziz yang tidak berminat untuk menyambung jawatan tersebut, mengapa kini timbul soal cubaan merasuah beliau bagi terus mengekalkan beliau dalam parti?"

"Sekiranya kami sendiri bertindak 'merampas' jawatan senatornya dan mencalonkan nama orang lain serta menawarkan jawatan lain, barulah ia boleh dipanggil rasuah. Dalam soal ini, Tunku Abdul Aziz sendiri dengan rela hati tidak mahu lagi menyandang jawatan tersebut untuk penggal baru," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena Festival Geogre Town 2012 yang akan diadakan bulan depan di sini hari ini.

Zairil sebelum ini, menafikan berlaku cubaan merasuah Tunku Abdul Aziz sebaliknya menjelaskan tawaran wang sebanyak RM50,000 setahun akan diberikan kepada Tunku Abdul Aziz bagi jawatan Felo Kanan Institut Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pulau Pinang iaitu sebuah badan pemikir milik kerajaan negeri tersebut sebaliknya mendakwa Tunku Abdul Aziz telah menyalah tafsir tawaran tersebut sebagai pampasan selepas jawatannya tidak disambung.

Dalam kenyataannya kemudian, Tunku Abdul Aziz menegaskan usaha merasuah tersebut adalah sebab mengapa beliau keluar daripada DAP.

Ditanya adakah tindakan keluar parti tersebut akan menjejaskan sokongan pengundi Melayu, Guan Eng menafikannya.

"Pemergian beliau tidak sedikit pun akan menjejaskan pengundi Melayu kami," kata Guan Eng.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0519&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm